

GERBANG VARSITI KITA

Bil. 26/2025
Korpus Sejarah UKM

SEJARAH PENUBUHAN BANGUNAN PRA-KLINIKAL

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah salah sebuah universiti terkemuka di Malaysia yang telah lama berperanan dalam melahirkan profesional dan ilmuwan dalam pelbagai bidang. Salah satu fakulti utama di UKM adalah Fakulti Perubatan, yang memainkan peranan penting dalam mendidik pelajar dalam bidang perubatan dan kesihatan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempertingkatkan lagi pengajaran perubatan, Bangunan Pra-Klinikal di Kampus Cheras telah dibangunkan sebagai kemudahan untuk pengajaran asas dalam bidang perubatan merupakan sebuah lokasi yang strategik kerana ia berdekatan dengan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), iaitu hospital pengajar UKM.

Pembinaan Bangunan Pra-Klinikal bermula pada tahun 2009. Bangunan ini dibina dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan yang lengkap untuk pengajaran asas bagi pelajar-pelajar perubatan. Di sini, pelajar dapat mempelajari subjek-subjek asas perubatan seperti anatomi, fisiologi, biokimia, mikrobiologi, dan farmakologi. Makmal-makmal khas dibina untuk setiap subjek, memberikan pelajar peluang untuk menjalankan eksperimen dan kajian yang lebih mendalam. Ini sangat penting kerana pengajaran teori sahaja tidak mencukupi untuk melahirkan profesional perubatan yang mahir.

Pada tahun 2014, Bangunan Pra-Klinikal mula digunakan sepenuhnya. Perpindahan jabatan-jabatan praklinikal beserta pelajar tahun satu dan dua dari kampus Kuala Lumpur di Jalan Raja Muda Abdul Aziz ke kampus Cheras apabila Bangunan Praklinikal dan asrama pelajar siap dibina. Sejak itu, bangunan ini menjadi pusat utama untuk pengajaran dan latihan awal



bagi pelajar-pelajar perubatan. Keberadaan bangunan ini memberikan kemudahan yang amat diperlukan oleh pelajar untuk memahami asas-asas perubatan sebelum mereka terlibat dalam latihan klinikal di hospital. Ini memudahkan proses pembelajaran mereka kerana mereka dapat menjalani eksperimen dan latihan asas dalam persekitaran yang lebih teratur dan terkawal.

Bangunan ini juga memainkan peranan penting dalam penyelidikan sains kesihatan. Selain digunakan untuk pengajaran, makmal-makmal di bangunan ini turut digunakan untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Sumber:

- Ima Nirwana Soelaiman, Norliza Muhammad. (2020). *Kenangan Sepanjang Zaman: Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Penerbitan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.